

Sentral (m/s: 36)

Juruteknik juara pertandingan memancing UMP

PEKAN - Seorang juruteknik berjaya membawa pulang wang tunai RM7,000 selepas ikan temoleh seberat 1.62 kilogram (kg) yang dinaikkan diumumkan pemenang tempat pertama pada pertandingan memancing sempena sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di sini, baru-baru ini.

Mohd Khairi Hisyam Othman, 32, berkata, dia sendiri tidak jangkakan kemenangan itu namun nasibnya agak bertuah apabila jorannya berjaya menaikkan ikan berkenaan.

"Memang saya tak sangka akan menang... inilah orang kata rezeki yang tak disangka-sangka.

"Wang hadiah ini amat bermakna untuk saya dan akan digunakan sebaik mungkin untuk masa depan," katanya ketika ditemui selepas pertandingan berkenaan



Rahman Safie (dua, kanan) bersama pemenang pertandingan memancing di UMP di sini.

di sini.

Tempat kedua pula dimenangi Mohd Arif Mohd Azarudin, 20, selepas menaikkan ikan keli seberat 0.44 kg dan membawa pulang wang tunai RM3,000 manakala Shahrul Nizam Mat Anis, 47, pula muncul tempat ketiga membawa pulang RM1,000 dengan ikan keli seberat 0.38 kg

Sementara itu, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan

UMP, Rahman Safie berkata, seramai 588 peserta dari seluruh negeri ini mengambil bahagian dalam pertandingan memancing di kolam berkenaan.

"Kali ini lebih satu tan ikan patin, tilapia merah dan keli menanti peserta di samping berpeluang memenangi cabutan bertuah yang menarik," katanya.